



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**07 Januari 2024
25 Jamadilakhir 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Jabatan Perikanan Selangor bongkar taktik pencuri kerang
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	✓	NEGATIF		NEUTRAL			

7 JANUARI 2024 | SINAR AHAD

Jabatan Perikanan Selangor bongkar taktik pencuri kerang

SABAK BERNAM - Menyembunyikan pelbagai peralatan dipercayai digunakan untuk kegiatan mencuri kerang antara taktik dikesan dalam Op Hurricane Bersepadu Jabatan Perikanan Selangor di sebuah jeti perkampungan nelayan dekat sini pada Jumaat.

Peralatan terdiri daripada kor bergalah atau tangguk tangan dan pelbagai alatan lain dijumpai disembunyikan di stor jeti ketika pemeriksaan bermula jam 8 pagi dan berakhir jam 5 petang itu.

Situasi tenang ketika awal operasi bertukar sedikit tegang apabila lokasi serbuan didatangi beberapa individu yang cuba mempersoalkan tindakan pihak berkuasa.

Bagaimanapun, keadaan kembali terkawal setelah penerangan diberikan kepada individu terlibat berkaitan kesalahan pemilikan peralatan berkenaan.

Operasi turut disertai Jabatan Perikanan Malaysia Perak, Pasukan Polis Marin Wilayah 1 Pelabuhan Klang dan

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor.

Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, operasi dijalankan hasil risikan yang mendapati terdapat jeti dipercayai mendaratkan benih-benih kerang yang dicuri.

Selain itu, menurutnya, terdapat ruangan dan binaan di beberapa jeti terlibat dijadikan tempat penyimpanan alat-alat dipercayai digunakan untuk kegiatan pencurian kerang.

"Tujuh kor bergalah, 63 tangguk tangan halus dan 35 tangguk besi bernilai RM39,000 dirampas.

"Selain itu, turut dirampas lapan set rawa sorong bernilai RM20,000 dan 12 unit bubu naga bernilai RM720," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Noraisyah berkata, tindakan diambil di bawah Seksyen 4 (1) Akta Perikanan 1985 Peraturan-peraturan Perikanan (Pemuliharaan dan Kultur Kerang) 2002.